

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : DATO' SRI DR. SANTHARA**  
**[SEGAMAT]**  
**TARIKH : 23.10.2019 (RABU)**  
**SOALAN : 7**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan statistik peruntukan geran yang diberikan kepada setiap **MPKK (kampung)** dan **bagaimana projek-projek kampung diberikan prioriti utama**, seperti memperbaiki jalan raya, pemasangan lampu jalan dan lain-lain kemudahan asas seperti air dan elektrik (seperti lampu jalan), khususnya di Parlimen Segamat.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga September 2019, sebanyak 15 daripada 25 MPKK di Parlimen Segamat telah menerima peruntukan geran dengan kos sebanyak RM149,400.00. Permohonan boleh dibuat melalui Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) kepada Pejabat Daerah, sebelum permohonan tersebut dikemukakan kepada Pejabat KPLB Negeri. **Maklumat lengkap berkaitan senarai program dan jumlah Geran MPKK bagi setiap MPKK di Parlimen Segamat akan dikemukakan secara bertulis.**

## NO. SOALAN: 7

2. Manakala, permohonan Projek Jalan Luar Bandar (JALB), Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) dan Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB), Yang Berhormat boleh mengemukakan permohonan kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) untuk disenaraikan dalam senarai keutamaan pembangunan Kerajaan Negeri. Seterusnya, pihak UPEN akan memperakukan dan mengemukakan senarai berkenaan kepada Kementerian ini untuk diangkat kepada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) bagi kelulusan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe12).
3. Bagi JALB, dari tahun 2010 sehingga 2018, sebanyak empat (4) projek telah dilaksanakan di Parlimen Segamat dengan kos sebanyak RM146.9 juta.
4. Bagi BALB, Kementerian telah menerima permohonan daripada Kerajaan Negeri untuk pembinaan infrastruktur air yang turut melibatkan enam (6) kampung di daerah Segamat. Kementerian sedang dalam proses lantikan perunding yang kemudiannya akan menjalankan pengesahan skop dan reka bentuk.
5. Untuk makluman Yang Berhormat, dari tahun 2002 sehingga tahun 2018 melalui Program Pemasangan Lampu Jalan Kampung (LJK) Fasa 1 sehingga Fasa 9, sebanyak 4,493 unit LJK telah dipasang di Parlimen Segamat, melibatkan peruntukan sebanyak RM2.25 juta. Pemasangan dibuat secara berperingkat dengan had maksima pemasangan LJK bagi setiap kampung adalah sebanyak 40 unit sahaja, mengikut keperluan dan keluasan kampung.
6. Bagi Program LJK Semenanjung Malaysia tahun 2019/2020 (Fasa 10) dijangka akan dimulakan pelaksanaannya dalam bulan November 2019, dengan kuota sebanyak 200 unit LJK, dengan pecahan 160 unit LJK jenis *high pressure sodium vapour* (HPSV) dan 40 unit LJK jenis *light emitting diode* (LED), akan dipasang di kampung-kampung yang layak di dalam Parlimen Segamat, dengan nilai peruntukan sebanyak RM189,440.00.

## **NO. SOALAN: 7**

7. Untuk makluman Yang Berhormat, permohonan bagi projek Jalan Perhubungan Desa (JPD) dan Program Ameniti Sosial (PAMS) akan dibuat siasatan terlebih dahulu bagi menentukan skop dan anggaran kos. Seterusnya, senarai tersebut akan disusun mengikut keutamaan sebelum diperakukan di peringkat Kementerian tertakluk kepada jumlah peruntukan yang diluluskan pada tahun semasa.
8. Bagi tahun 2019, sebanyak empat (4) projek JPD telah diluluskan di Parlimen Segamat melibatkan kos sebanyak RM355,000.00.

Sekian, terima kasih.